

16 MAY 1999

Najib-Guru

GURU PENTING UNTUK EKONOMI BERTERASKAN ILMU

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Guru merupakan golongan penting untuk mewujudkan masyarakat maju yang ekonominya berteraskan ilmu pengetahuan, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata negara yang ekonominya berteraskan ilmu pengetahuan memerlukan guru yang mampu membina masyarakat berfikir, terdidik dan mengamalkan budaya membaca serta mampu mengolah maklumat menjadi ilmu.

"Sejak zaman sebelum merdeka sehingga sekarang, peranan guru amat signifikan. Kesenambungan perjuangan guru kini untuk meletakkan bangsa dan negara setanding dengan masyarakat negara maju lain," katanya.

Najib berucap sempena pelancaran sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pameran MINES di sini.

Beliau berkata matlamat akhir pendidikan ialah untuk melahirkan individu yang cerdas, kreatif dan berbudi mulia dalam alaf baru yang mengutamakan budaya hidup berasaskan ilmu pengetahuan.

Beliau juga berkata memandangkan budi dan jasa guru kepada negara, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program termasuk penubuhan Universiti Pendidikan Sultan Idris bagi merealisasikan perjuangan kaum pendidik.

Majlis peringkat kebangsaan itu dihadiri oleh 4,500 tokoh pendidik dan guru dari seluruh negara.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan anugerah kepada lima tokoh guru -- Puan Molly Chong, Haji Mohd Mokhtar Talib, Hajah Rahmah Hussain, Haji Hambali Abdul Razak dan Haji Kasim Muhammad, kesemuanya telah bersara.

-- BERNAMA

GM FAZ